

**Najib Ajak Pemimpin Korporat Berganding Bahu Bina Pertumbuhan Mampan Bagi Negara**  
**Bernama**  
**2 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyarankan pemimpin-pemimpin korporat berganding bahu dengan kerajaan untuk memastikan pertumbuhan mampan bagi negara.

Ketika membuat saranan itu, beliau berkata kerajaan sahaja tidak dapat memastikan pertumbuhan mampan, tetapi pemimpin korporat negara ini juga perlu memperlihatkan kepimpinan mereka.

"Sektor swasta akan menjadi enjin yang memacu pertumbuhan Malaysia pada masa akan datang.

"Ketika kita bercita-cita untuk mencapai status negara maju, saya mengajak anda berganding bahu untuk memastikan tiada sesiapa tercicir," katanya dalam ucaptamanya pada Majlis Makan Malam dan Malam Anugerah 2013 Kelab Edge Billion Ringgit (BRC) di sini Isnin.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata kesan kumulatif keputusan perniagaan, pelaburan dan etika individu pemimpin korporat ini akan menentukan suasana keseluruhan ekonomi.

"Menyedari ini, saya meminta anda kekal komited, bukan sahaja untuk memaksimumkan pulangan ke atas pelaburan dan ekuiti anda, malah juga untuk membina ekonomi yang lebih mampan bagi Malaysia; melabur dalam sumber manusia dan projek serta membuat keputusan perniagaan yang bersesuaian dengan cita-cita jangka panjang, bukan hanya matlamat jangka pendek," tegas beliau.

Najib berkata satu daripada pengajaran utama daripada krisis kewangan 2008 ialah keputusan perniagaan jangka pendek boleh menjejaskan dengan teruk bukan sahaja syarikat-syarikat tetapi ekonomi secara keseluruhan.

"Ia adalah menjadi kewajiban bagi penggubal dasar untuk melindunginya dan bagi pemimpin korporat untuk mengakuinya. Dalam meletakkan asas untuk status berpendapatan tinggi, kita semua mesti berhati-hati untuk tidak menggalakkan pertumbuhan yang tidak mampan," katanya.

"Di pihak kerajaan, kerajaan akan melaksanakan komitmennya untuk memastikan kewangan awam dengan pembaharuan fiskal untuk menjamin kedudukan Malaysia.

"Kami akan terus merasionalisasikan subsidi, meluaskan asas hasil dan menguruskan perbelanjaan melalui perancangan infrastruktur. Kita akan berpegang kepada sasaran pengurangan defisit dan siling hutang kita," kata beliau.

Najib berkata dengan negara kini menuju ke arah status negara berpendapatan tinggi, tibalah masanya untuk bertanya bukan sahaja "di mana berikutnya" tetapi "bagaimana untuk sampai di sana".

"Seiring dengan pembukaan ekonomi kita dan menyiapkan perniagaan untuk bersaing di

pasaran, adalah lebih berbaloi untuk kita sekali lagi melihat kepada resipi kepada kejayaan; dan bertanya kepada diri sendiri ekonomi yang bagaimana yang kita mahu bina seterusnya," kata beliau.

Walaupun kedudukan asas negara amat kukuh dengan pertumbuhan yang baik, adalah penting juga untuk memastikan kewangan awam kekal teratur, kata Najib.

Pada majlis malam ini, Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

The Edge BRC mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada syarikat-syarikat tersenarai dengan sekurang-kurangnya RM1 bilion permodalan pasaran setakat 31 Mac setiap tahun.

Sebanyak 144 syarikat layak untuk keanggotaan dalam Edge BRC pada 2013.

Terdapat 30 anugerah korporat Edge BRC diberikan tahun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974648>